

PM: Hubungan dengan Australia tidak terjejas

8 JUL 1986

KOTA KINABALU, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata hubungan diplomatik antara Malaysia dan Australia tidak akan terjejas berikutan hukuman gantung ke atas dua rakyat Australia kerana kesalahan mengedar dadah.

"Saya tidak fikir begitu," katanya kepada pemberita sewaktu ditanya sejurus setelah beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini untuk lawatan dua hari ke Sabah.

Beliau bagaimanapun tidak sempat diminta pandangannya mengenai keselamatan pelajar Malaysia di Australia kerana para pemberita dihalang oleh pegawai-pegawai keselamatan.

Rakyat Australia itu, Brian Geoffrey Chambers dan Kevin John Barlow, kedua-duanya 28, yang dihukum mati kerana mengedar dadah, digantung di Penjara Pudu, Kuala Lumpur jam 6 pagi ini.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali diberi sambutan permaidani merah dan penuh tradisi setibanya di lapangan terbang.

Pesawat yang dinaiki oleh Datuk Seri Dr Mahathir dan isteri tiba kira-kira jam 12.20 tengah hari. Beliau disambut oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan dan isterinya Datin Genevieve.

Analiza Tan Sri Hamid Egoh, 5, menyampaikan sejambak bunga kepada Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Turut ada di lapangan terbang ialah Menteri Pengangkutan, Dr Ling Liong Sik, timbalannya, Hajah Rahman Osman, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Ahmad Shah Tambakau, ketiga-tiga Timbalan Ketua Menteri Sabah, Encik Mark Koding, Encik Ahmad Baharom Datuk Abu Bakar Titingan, Encik Chau Tet On, dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan negeri.